

# SDG perlu diterapkan melalui pendidikan

Oleh DR. SHARIFAH INTAN SHARINA SYED ABDULLAH dan DR. DIYANA NAWAR KASIMON

**P**ELAKSANAAN Matlamat Pembangunan Lestari atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDG) kini berbaki hanya tujuh tahun sahaja lagi. Namun, konsep SDG bahkan pembangunan lestari secara amnya masih lagi asing dalam kalangan masyarakat.

Sedangkan agenda ini memerlukan penglibatan yang menyeluruh lagi sistemik bagi memastikan keberkesannya.

Pembangunan lestari adalah istilah yang mencadangkan agar pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar dilaksanakan secara seimbang dalam memastikan keperluan masa kini tidak menjejaskan keperluan generasi akan datang. SDG pula merupakan kerangka pelan tindakan yang dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menyelesaikan isu-isu pembangunan ini di seluruh dunia dalam tempoh 15 tahun bermula pada tahun 2016 sehingga 2030.

Baru-baru ini negara telah dikejutkan dengan dua insiden pokok tumbang di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur dalam tempoh seminggu. Insiden ini adalah akibat daripada ribut dan hujan lebat sehingga menyebabkan kematian. Antara respon daripada masyarakat mencadangkan agar pokok-pokok di kawasan ini ditebang kerana kewujudan pokok tidak diperlukan di kawasan pembangunan pesat.

Ini menunjukkan pemahaman yang kurang tepat. Ketiadaan pokok boleh menyebabkan peningkatan suhu yang tinggi selain mengganggu kestabilan tanah dan ekosistem. Pokok juga mampu menjadi agen penyerapan karbon. Oleh itu, perancangan bandar memerlukan alternatif yang berinovatif bagi menyelesaikan isu ini.

Ini menunjukkan keperluan yang sangat tinggi untuk memperkenalkan agenda SDG ke segenap lapisan masyarakat termasuk generasi muda. Pendidikan merupakan platform yang paling berkesan untuk tujuan ini.

Adalah lebih baik jika ia dapat diarusperdanakan dalam sistem pendidikan negara. Selain itu, intervensi pendidikan harus dirancang ke arah mencapai SDG, bukannya melabelkan program sedia ada sebagai program SDG tanpa perancangan yang teliti. Kita juga tidak mahu konsep SDG sekadar menjadi konsep retorik tanpa mengetahui hala tuju bagaimana untuk merealisasikan kepenggunaannya.

Bagi memupuk budaya SDG dalam kalangan generasi muda, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra



**Selain itu, intervensi pendidikan harus dirancang ke arah mencapai SDG, bukannya melabelkan program sedia ada sebagai program SDG.”**

Malaysia (FPP, UPM) telah bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPSBP, KPM) menganjurkan Sustainnovation Workshop baru-baru ini.

Melalui tema “Inovasi STEM untuk Kelestarian”, Sustainnovation Workshop direka bentuk untuk menyemarakkan budaya inovasi dalam kalangan pelajar dan guru, melahirkan generasi pelapis berdaya inovatif yang menyumbang kepada penyelesaian masalah kelestarian, memberi pendedahan peluang pengkomersilan produk inovasi serta potensi kolaborasi merentas tahap pendidikan dan industri.

Melihat kepada kejayaan bengkel ini, kami berhasrat agar Sustainnovation Workshop yang julung kali diadakan pada tahun ini hanyalah permulaan dan dapat dilaksanakan setiap tahun pada masa akan datang untuk kumpulan sasaran yang lebih besar supaya dapat impak SDG dapat diperluaskan.

Selain itu, harapan kami agar bengkel ini menjadi inspirasi kepada pelaksanaan lebih banyak program yang seumpunya oleh institusi-institusi pendidikan negara untuk generasi muda.

Mereka adalah pewaris planet. Sebagai penduduk masa depan, mereka mempunyai pemahaman yang unggul tentang keperluan generasi akan datang berbanding generasi yang lebih tua. Sebagai anak jati teknologi moden, mereka akan dapat melihat isu keperluan tersebut daripada perspektif yang lebih relevan.

Bagaimanapun, pemahaman terhadap keperluan sahaja tidak memadai. Tujuan utama mengapa SDG perlu diterapkan melalui pendidikan adalah untuk membina kompetensi diri yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan isu kelestarian pada masa akan datang.

Dr. Sharifah Intan Sharina Syed Abdullah ialah Pensyarah Kanan Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM dan Dr. Diyana Nawar Kasimon adalah dari Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM